



FXTM

TIME IS MONEY
INVEST IT WISELY

LALUAN MENUJU KEJAYAAN
**50 TABIAT PEDAGANG
YANG BERJAYA**

Ditulis oleh:

Prof. Andreas Thalassinos

(Ketua Pendidikan FXTM)



PELAJARI CARA MENGENAL PASTI ARAH ALIRAN

Arah aliran ialah rakan anda. Kita semua kerap mendengar ungkapan ini, tetapi ramai pedagang tidak mengikut hikmah di sebalik kata-kata ini. Namun begitu, pedagang yang berjaya mengikutnya! Kejayaan mereka bergantung pada mengenal pasti arah aliran pada peringkat awal, mengikutinya dan memahami cara untuk memaksimumkan manfaatnya. Ini boleh menakutkan untuk pedagang baru kerana mereka tidak dilatih untuk mengenal pasti arah aliran dalam peringkat awal perkembangan. Pelajari cara mengesan tanda-tanda kecil

instrumen kewangan yang sedang mengalami arah aliran ialah teknik utama bagi kejayaan yang digunakan oleh setiap pedagang yang hebat. Instrumen kewangan yang sedang mengalami arah aliran lebih berkemungkinan untuk terus ke arah aliran semasa dan bukan bertentangan, oleh itu ia sumber bimbingan yang bagus untuk pedagang. Tumpuan pengajaran kami di FXTM ialah arah aliran dan kami memberikan sesi latihan amali untuk membantu anda mengesannya.





GUNAKAN LEVERAJ DENGAN TENANG. **IA BERISIKO**

Satu daripada aspek lumayan dagangan ialah leveraj. Leveraj ialah sebabnya pedagang dengan deposit yang sedikit dapat membuat keuntungan yang banyak. Hebat, bukan? Memang hebat, tetapi pada masa yang sama, leveraj dipersalahkan apabila berlaku kerugian yang besar kerana keuntungan boleh berlaku dengan cepat, begitu juga kerugian!

Leveraj ialah alat kewangan untuk meningkatkan potensi dagangan agar dapat memperoleh lebih banyak keuntungan dengan wang yang sedikit. Malangnya, dengan cara yang sama leveraj menggandakan keuntungan, ia juga menggandakan kerugian dan boleh merugikan akaun dagangan yang diuruskan dengan tidak betul. Gunakannya dengan bijak.



Sample Copy



SENTIASA MEMBUAT HENTI RUGI PERLINDUNGAN

”

Berikut ialah satu senario. Jika anda berjalan di atas tali tegang antara dua bangunan, adakah anda lebih suka untuk mencapai kegemilangan melakukannya tanpa sebarang alat keselamatan atau anda akan lebih gembira mengetahui bahawa terdapat satu jaring keselamatan di bawah di separuh jalan untuk menangkap anda jika anda jatuh? Jaring keselamatan tidak akan mengganggu tugas anda, ia hanya bersedia melindungi anda jika berlaku kejadian buruk. Inilah kepentingan henti rugi perlindungan, namun ramai pedagang tidak menggunakannya.

Ini biasanya kerana dalam dagangan terdapat banyak ego! Siapa yang ingin mengakui bahawa mereka tersilap atau dagangan mereka silap? Keadaan itu benar-benar menyakitkan hati dan sebab itulah manusia jarang mengakui bahawa mereka tersilap. Lepaskan ego anda, bersikap merendah diri dan fahami bahawa pedagang terbaik sekalipun menggunakan henti rugi. Ia sebahagian daripada dagangan. Belajar untuk menerimanya dan buat henti rugi untuk melindungi modal anda!



KUASAI SENI DISIPLIN

Memiliki sistem dagangan profesional dan peraturan pengurusan risiko adalah tidak mencukupi. Disiplin ialah prasyarat untuk semua pedagang yang berjaya, tetapi berita baiknya ialah ia boleh dikuasai, anda hanya perlu bertekad. Seperti seorang atlit yang akan bangun pada pukul 5 pagi setiap hari untuk berlatih, anda mesti mendapatkan rutin berdisiplin yang tegas untuk dagangan anda. Ini melibatkan langkah mengkaji

pasaran (terutamanya pasaran yang anda berdagang), memberikan perhatian yang teliti kepada pengumuman berita berkaitan dan menguasai kawalan diri anda. Disiplin tidak boleh diajari, namun terdapat banyak cara untuk menguasainya. Anda hanya perlu mendapatkan satu cara yang paling sesuai dan berkesan untuk anda. Pedagang yang berjaya mengambil masa untuk menyempurnakan disiplin mereka dan begitu juga anda.





TIADA YANG 100% DALAM HIDUP INI BERDAGANG JUGA TIDAK TERKECUALI

Kehidupan penuh dengan turun dan naik dan penuh dengan kejutan, ada yang baik dan ada yang buruk. Begitu juga apabila berdagang dalam pasaran kewangan. Sentiasa jangkakan perkara yang tidak dijangka dan bersedia untuk mengendalikan dan mengurusnya seperti seorang profesional. Mengetahui helah dagangan, bersedia untuk

perkara yang tidak dijangka dan memahami alat pengurusan risiko anda akan mengurangkan kejutan sekiranya pasaran tidak memihak kepada anda. Pengetahuan akan membimbing anda melalui naik dan turun dan di FXTM, seminar pendidikan kami yang hebat di seluruh dunia bersedia membantu. Temui dan sertai kami dalam acara seterusnya.

ANDREAS THALASSINOS

(BSc, MSc, MSTa, CFTe, MFTA)

Ketua Pendidikan FXTM ialah salah seorang pendidik FX dan Penganalisis Teknikal Sah yang paling dihormati di dunia. Profesor Andreas Thalassinos terkenal sebagai individu yang berkuasa dalam dagangan algoritma dan kerana membangunkan ratusan sistem automatik, penunjuk dan alat dagangan yang digunakan pada hari ini.

Minat beliau untuk mendidik pedagang dan profesional industri Forex telah menjadikan beliau Guru dalam industri dengan tutorial beliau dialu-alukan di seluruh dunia oleh ribuan hadirin secara berterusan. Seminar Profesor Thalassinos dipupuk dengan suasana yang meriah dan terkenal di atas semangatnya dan maklumat yang luar biasa dengan hadirin yang cemerlang pada setiap acara.

Seminar dan bengkel Profesor Thalassinos disesuaikan untuk semua peringkat pengalaman, yang mana kedua-dua pedagang baru dan berpengalaman mendapat pemahaman yang menyeluruh berkenaan pasaran kewangan dan pengetahuan yang mendalam tentang analisis pasaran. Seminar beliau terutamanya menekankan kepentingan arah aliran dan pengurusan risiko untuk memaksimumkan potensi perolehan.

Dengan pengetahuan beliau yang meluas, Profesor Thalassinos telah merevolusikan pendidikan forex selama bertahun-tahun dan telah dianugerahkan dengan sijil profesional antarabangsa, MSTa oleh Society of Technical Analysts (UK), CFTe dan MFTA oleh International Federation of Technical Analysts (USA). Selain itu, tesis penyelidikan terkini beliau bertajuk "Anatomy of a living trend: Swing charts, High Points and Low Points, Peaks and Troughs and how their underlying structure may define their forecasting strength."





FXTM

IT'S FOREX TIME

NOTA UNTUK EDITOR

Jenama FXTM menyediakan perkhidmatan broker antarabangsa dan memberikan akses kepada pasaran mata wang global, menawarkan dagangan dalam forex, logam berharga, CFD Saham, CFD ETF dan CFD ke atas Niaga Hadapan Komoditi. Dagangan disediakan melalui platform MT4 dan MT5 dengan spread bermula daripada sekadar 1.3 pada akaun dagangan Standard dan daripada 0.1 pada akaun dagangan ECN. Sokongan dan perkhidmatan dagangan yang direka khusus disediakan berdasarkan keperluan dan cita-cita setiap pelanggan - daripada pedagang baru, sehingga pedagang berpengalaman dan pelabur institusi. ForexTime Limited dikawal selia oleh Cyprus Securities and Exchange Commission (CySEC), dengan nombor lesen 185/12, dilisenkan oleh FSB Afrika Selatan dengan nombor FSP 46614 dan berdaftar dengan UK FCA di bawah nombor rujukan 600475 dan FT Global Limited dikawal selia oleh International Financial Services Commission (IFSC) dengan nombor lesen IFSC/60/345/TS dan IFSC/60/345/APM.

PENAFIAN: Kandungan E-buku ini terdiri daripada pendapat dan idea peribadi, dan tidak boleh dianggap sebagai mengandungi nasihat peribadi dan/atau nasihat pelaburan yang lain dan/atau sebagai tawaran dan/atau permintaan untuk sebarang transaksi dalam instrumen kewangan dan/atau jaminan dan/atau ramalan untuk prestasi masa hadapan. FXTM, ahli gabungannya, ejen, pengarah, pegawai atau pekerja tidak menjamin ketepatan, kesahan, ketepatan masa atau kelengkapan sebarang maklumat atau data yang disediakan dan tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang berlaku daripada sebarang pelaburan berdasarkan maklumat atau data tersebut.

AMARAN RISIKO: Produk dagangan dengan leveraj seperti forex dan CFD melibatkan tahap risiko yang tinggi. Anda tidak seharusnya merisikokan lebih daripada jumlah wang yang anda boleh kerugian. Terdapat kemungkinan anda mengalami kerugian lebih daripada pelaburan awal anda. Anda tidak seharusnya berdagang melainkan anda memahami sepenuhnya pendedahan anda terhadap risiko kerugian. Apabila berdagang, anda mesti sentiasa mempertimbangkan tentang tahap pengalaman anda. Jika risiko yang terlibat tidak jelas kepada anda, sila dapatkan nasihat kewangan daripada pihak bebas.